Telah berlangsung Majlis Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke-63 PHT bersama pelajar PHT yang mana bertempat di Dataran Penyu. Seramai 60 orang warga PHT beserta 100 orang pelajar yang berada di kampus telah menghadiri majlis pada kali ini dengan menggunapakai SOP KKM yang telah ditetapkan. Nyanyian Jalur Gemilang dan Malaysia Prihatin berkumandang memecah suasana kampus PHT yang baharu. Pengarah PHT, Hj. Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali, A.N.S juga telah melaungkan 'Merdeka' juga war cry PHT 'PHT Hebat' apabila majlis sambutan berakhir.



PHT HEBAT BULETIN

PHT Leads your future

Home | Hospitaliti | Perdagangan | Kerohanian | Pengurusan | Pelajar | Kajian | Pencapaian | Kreatif

## KOLUM PENGURUSAN



Tuesday, 18 August 2020

### PERHIMPUNAN BULANAN DAN MAJLIS SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN KE-63 PHT

*Dilaporkan oleh: Nurul Ilyani Binti Abdullah*

Telah berlangsung Perhimpunan Bulanan dan Majlis Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke-63 PHT, bertempat di Mini Auditorium Pintar. Seramai 60 orang warga PHT telah menghadiri perhimpunan pada kali ini dengan menggunapakai SOP KKM yang telah ditetapkan. Pengarah PHT, Hj. Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali, A.N.S juga telah melancarkan program sambutan kemerdekaan peringkat PHT.

Sepanjang Bulan Kemerdekaan ini, pelbagai program bakal diadakan di Politeknik Hulu Terengganu. Ini termasuk Sambutan Ambang Merdeka, Larian Merdeka, Solat Hajat, Bacaan Yasin Merdeka, Gotong Royong Merdeka, Pertandingan Bilik Asrama juga Pertandingan Sajak Puisi Merdeka.





Monday, 17 August 2020

### AKTIVITI HARI KEBANGSAAN PERINGKAT PHT

*Dilaporkan oleh: Che Ku Norzuraida Binti Che Ku Long*

Pemasangan Jalur Gemilang di sekitar kampus PHT oleh Unit Pentadbiran PHT sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-63 Peringkat Politeknik Hulu Terengganu(15 Ogos-16 September 2020).



## KOLUM PENGURUSAN



Sunday, 16 August 2020

### VERIFIKASI BAKI AWAL ATA

*Dilaporkan oleh: Zaidah Binti Mamat*

Verifikasi Data Baki Awal Aset Tak Alih (ATA) di Politeknik Hulu Terengganu(PHT) bertempat di Bilik Mesyuarat PHT





Monday, 3 August 2020

### SESI TAKLIMAT UNTUK PELAJAR BAHARU

*Dilaporkan oleh: Dameliza Binti Damain*

Timbalan Pengarah Sokongan Akademik,PHT, Dr. Hj Abu Bakar bin Zakaria telah menyampaikan taklimat kepada pelajar baharu Sesi Jun 2020 yang telah mendaftar masuk hari ini ke kampus baharu PHT yang terletak di Kuala Jeneris, Jalan Pengkalan Gawi, Tasik Kenyir.





## KOLUM PENGURUSAN



Wednesday, 22 July 2020

### GOTONG ROYONG TILAM KAMSIS

*Dilaporkan oleh: Mohd Hishamudin Bin Mat*

Gotong-royong bersepadu mengangkat dan memasukan 800 unit tilam ke bilik-bilik kamsis PHT telah diadakan pada hari ini jam 8.30 pagi. Semua staf PHT telah terlibat. Operasi gotong royong ini diadakan bagi melicinkan proses kemasukan pelajar baharu. Turut sama Pengarah PHT, Tn Hj. Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali, A.N.S.





Monday, 20 July 2020

### PEMATUHAN SOP DI KAMPUS BAHARU PHT

*Dilaporkan oleh: Dameliza Binti Damain*

Pembukaan PHT di kampus baharu berjalan lancar dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan. Taklimat proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) normal baharu juga telah diadakan kepada 50 tenaga pengajar dalam semua bidang semalam. Pemasangan poster SOP di setiap bilik kuliah dan makmal juga telah dibuat bagi menerima kehadiran pelajar bermula 2 Ogos 2020. Bilik Kuliah juga telah diatur mengikut SOP yang telah ditetapkan.



## KOLUM PENGURUSAN



Monday, 13 July 2020

### PERPINDAHAN KE KAMPUS BAHARU

*Dilaporkan oleh: Mohd Hishamudin Bin Mat*

Perpindahan ke kampus baharu hari pertama dimulai dengan pemunggahan aset dan perabot oleh pihak yang terlibat ke jabatan dan unit yang telah ditetapkan.Semoga dipermudahkan segala urusan untuk hari yang seterusnya.





Friday, 10 July 2020

### PROSES PEMINDAHAN DI PHT

*Dilaporkan oleh: Mohd Hishamudin Bin Mat*

Proses pemindahan ke kampus baharu di Kuala Jeneris dimulai dengan proses pembungkusan barang-barang pejabat dan perabot di setiap jabatan dan unit.



PHT HEBAT BULETIN
PHT Leads your future
Home | Hospitaliti | Perdagangan | Kerohanian | Pengurusan | Pelajar | Kajian | Pencapaian | Kreatif

## KOLUM PENGURUSAN



Tuesday, 30 June 2020

### PENGHARGAAN KEPADA PENERIMA APC 2019

*Dilaporkan oleh: Che Ku Norzuraida Binti Che Ku Long*

Sekalung ucapan tahniah dan penghargaan diucapkan kepada 5 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2019. Pengiktirafan ini akan memberi motivasi kepada yang lain untuk memberikan komitmen seikhlasnya dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab di PHT.
Sesi penyerahan penghargaan ini telah disampaikan oleh Pengarah PHT,Tn.Hj Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali,A.N.S di perkarangan pejabat pentadbiran PHT semalam.
Tahniah kepada Pn.Nor Maizura Othman, Pn Azmah Salleh,Pn. Norli yanawati Zakaria, En.Syed Paris dan Hj.Wan Abdullah.





Monday, 29 June 2020

### KURSUS GUBAHAN BUNGA VIRAL

*Dilaporkan oleh: Dameliza Binti Damain*

Kursus Gubahan Bunga Viral di Politeknik Hulu Terengganu telah diadakan di PHT.Kursus ini telah dianjurkan oleh Puspanita PHT dengan kerjasama ULPL PHT.Tenaga pengajar ialah Puan Zaidah Mamat.Tahniah kepada semua peserta kerana telah berjaya menghasilkan gubahan yang menjadi trend terkini di Malaysia.








## KOLUM PENGURUSAN



Sunday, 28 June 2020

### MESYUARAT AGUNG PUSPANITA PHT

*Dilaporkan oleh: Zaidah Binti Mamat*

Telah berlangsung Mesyuarat Agung Puspanita PHT,Cawangan Kecil JPP pada hari Rabu 24.6.2020 di Bilik Mesyuarat PHT.Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Pn.Hajjah.Salwani.Pelantikan ahli jawatankuasa baru serta perbincangan aktiviti Puspanita PHT juga telah dilaksanakan dengan jayanya serta mengikut SOP yang telah ditetapkan.





Tuesday, 23 June 2020

### PENGGUNAAN APLIKASI MySejahtera DI PERINGKAT POLITEKNIK HULU TERENGGANU(PHT)

*Dilaporkan oleh: Nurul Ilyani Binti Abdullah*

Politeknik Hulu Terengganu mengambil langkah yang bijak apabila penggunaan aplikasi MySejahtera telah dilaksanakan sepenuhnya baru-baru ini. Penggunaan aplikasi MySejahtera menjadi telah menjadi normal baharu buat warga PHT sebelum memasuki kampus PHT. Selain mematuhi SOP PKPP, usaha warga PHT menggunakan aplikasi MySejahtera berpotensi membantu kerajaan memerangi dan memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19 di negara ini. Ia juga membolehkan warga PHT melaksanakan penilaian kesihatan kendiri disamping membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapat maklumat awal untuk mengambil tindakan yang cepat dan berkesan. Oleh itu, jadikan kemudahan aplikasi MySejahtera sebagai "rakan karib" walau di mana jua anda berada.









PHT HEBAT BULETIN




Home | Hospitaliti | Perdagangan | Kerohanian | Pengurusan | Pelajar | Kajian | Pencapaian | Kreatif

KOLUM PENGURUSAN



Thursday, 14 May 2020

### PHT TERLIBAT DALAM OPS HANTAR PULANG PELAJAR IPTA DARI SABAH SARAWAK

*Dilaporkan oleh: Mohd Hishamudin Bin Mat*

PHT telah menyediakan 1 buah bas untuk mengambil dan menghantar pelajar yang belajar di UMS,UNIMAS dan KK Kuching iaitu dari KLIA ke semalam.Pergerakan keluar bas PHT dari KLIA menghala ke IPD Kemaman,IPD Dungun, IPD Kuala Terengganu dan IPD Setiu pada 13.5.2020 dan telah selamat tiba di checkpoint terakhir jam 11.30 pagi tadi. Pelajar yang terlibat adalah seramai 17 orang dan diiringi oleh seorang pegawai PHT, En. Azmi Ismail beserta 2 orang pemandu. Bas ini juga telah disanitasi oleh pihak bomba Hulu Terengganu setelah selamat tiba di kampus PHT. Terima kasih di atas kerjasama yang diberikan.





Thursday, 16 April 2020

### SUMBANGAN BERTERUSAN DARI PARLIMEN HULU TERENGGANU

*Dilaporkan oleh: Che Ku Norzuraida Binti Che Ku Long*

PHT telah menerima sumbangan daripada Parlimen Hulu Terengganu untuk diagihkan kepada 19 orang pelajar PHT yang berada di rumah sewa sekitar Kuala Berang sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sumbangan wang tunai dan barang keperluan ini telah diserahkan kepada Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, PHT, Dr. Hj Abu Bakar Zakaria serta diiringi dua pegawai PHT yang lain En.Yusof Yaacob dan En. Fahimdin Mohd Kamal @ Yusof



PHT HEBAT BULETIN

PHT Leads your future



## KOLUM PENGURUSAN



Tuesday, 14 April 2020

### SUMBANGAN BANK RAKYAT KEPADA PELAJAR PHT

*Dilaporkan oleh: Zaidah Binti Mamat*

Pihak Bank Rakyat telah memberikan sumbangan kepada pelajar PHT yang tinggal di rumah sewa Kuala Berang di sepanjang tempoh PKP ini.Pelajar menerima barangan makanan dan duit RM50 setiap seorang.Turut hadir Pegawai dari Bank Rakyat serta 4 pegawai PHT yang diketuai oleh En.Azmi Ismail. Terima kasih Bank Rakyat Cawangan Kuala Berang.





Tuesday, 7 April 2020

### SUMBANGAN KPDNHEP

*Dilaporkan oleh: Dameliza Binti Damain*

PHT telah menerima sumbangan Food Bank daripada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk diagihkan kepada 19 orang pelajar PHT yang berada di rumah sewa sekitar Kuala Berang sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sumbangan barang keperluan ini telah diserahkan kepada dua pegawai PHT diketuai oleh En Azmi Ismail selaku pegawai kebajikan PHT dan Cik Nur Hidayah Hassan. Terima kasih KPDNHEP




PHT HEBAT BULETIN

PHT Leads your future

Home | Hospitaliti | Perdagangan | Kerohanian | Pengurusan | Pelajar | Kajian | Pencapaian | Kreatif

KOLUM PENGURUSAN



Sunday, 12 April 2020

### LAPORAN RESTRICTION ORDER PHT APRIL 2020

*Dilaporkan oleh: Che Ku Norzuraida Binti Che Ku Long*

Pihak PHT hari ini membuat agihan makanan siap yang telah ditempah dari penyedia makanan Kuala Berang kepada pelajar yang tinggal di luar melibatkan 7 buah rumah sewa iaitu seramai 19 orang pelajar. Kali ini penyampaian sumbangan diketuai oleh Unit Hal Ehwal Pelajar yang melibatkan dua pegawai iaitu Pegawai Kebajikan En Azmi Ismail dan Ketua Program DUP En Fahimdin Mohd Kamal @ Yusof .Sumbangan kepada pelajar PHT ini adalah dari Tabung Harapan PHT,Alumni PHT serta Tabung Amanah Pelajar.





Tuesday, 24 March 2020

### LAPORAN RESTRICTION ORDER PHT

*Dilaporkan oleh: Zaidah Binti Mamat*

Pihak PHT hari ini membuat agihan makanan mentah kepada pelajar yang tinggal di luar melibatkan 7 buah rumah sewa iaitu seramai 20 pelajar. Penyampaian sumbangan diketuai oleh Ketua Program JPH En Fahimdin bin Mohd Yusof @ Kamal. Sumbangan kepada pelajar PHT ini adalah dari Tabung Harapan PHT,Alumni PHT, Parlimen Hulu Terengganu serta Persatuan Kebajikan Sahabat Cakna Masyarakat Sejahtera Terengganu (SCM).



## KOLUM PENGURUSAN

Tuesday, 10 March 2020

### MAJLIS PENYERAHAN KAMPUS PHT

Dilaporkan oleh: Nurul Ilyani Binti Abdullah

Majlis Penyerahan Kampus Politeknik Hulu Terengganu (PHT) oleh Pihak JKR kepada pihak Politeknik Hulu Terengganu.
Pihak JKR diwakili oleh Dato' Ir. Mohamad Zulkefly bin Sulaiman, TKP JKR (Sektor Pakar), manakala pihak PHT diwakili oleh Ts. Dr. Mohammad Naim bin Yaakub, Ketua Pengarah JPPKK.




Sunday, 8 March 2020

### PHT DI RTM TRG

Dilaporkan oleh: Nurul Ilyani Binti Abdullah

Dr. Abu Bakar Zakaria telah ditemubual oleh DJ Azra dan juga DJ Sarah bagi mempromosikan Majlis Penyerahan Kampus Baharu PHT serta program terdekat yang akan dianjurkan oleh PHT iaitu STUDIEX'20. Selain itu, promosi Jom Masuk Poli juga dibincangkan dalam temubual ini.




PHT HEBAT BULETIN
PHT Leads your future
Home | Hospitaliti | Perdagangan | Kerohanian | Pengurusan | Pelajar | Kajian | Pencapaian | Kreatif

KOLUM PENGURUSAN

Saturday, 7 March 2020

### JOM MASUK POLI

Dilaporkan oleh: Nurul Ilyani Binti Abdullah

Booth Jom Masuk Poli di Program Car Free Hour 2.0 bertempat di Dataran Kuala Berang, Hulu Terengganu




Thursday, 5 March 2020

### JOM MASUK POLI

Dilaporkan oleh: Nurul Ilyani Binti Abdullah

Team Promosi Politeknik Hulu Terengganu telah mempromosikan kemasukan ke Politeknik Malaysia sempena pengumuman keputusan SPM di SMK Tengku Ampuan Intan dan juga SMK Jeneris.



## KOLUM PENGURUSAN



Tuesday, 18 February 2020

### PERKONGSIAN ILMU

*Dilaporkan oleh: Nurul Ilyani Binti Abdullah*

Setiap organisasi memerlukan pelbagai strategi pengurusan untuk terus berfungsi dan beroperasi dengan sempurna. Salah satu pengurusan yang perlu diberi perhatian adalah perkongsian ilmu dalam organisasi. Pada 18.2.2020, perkongsian ilmu pagi Selasa telah disampaikan oleh Pn Fatimah tentang My Portfolio kepada staf PHT bagi mengemaskini sistem HRMIS. Pengurusan ilmu pada hari ini, merupakan satu proses yang mampu membantu PHT dalam mengurus serta memindahkan sesuatu maklumat yang penting bagi tujuan penyelesaian masalah yang dihadapi pihak pengurusan.











Thursday, 6 February 2020

### KEMPEN DERMA DARAH

*Dilaporkan oleh: Nurul Ilyani Binti Abdullah*

Kempen Derma Darah telah dianjurkan oleh Unit Hal Ehwal Pelajar PHT dengan kerjasama Unit Tabung Darah, Hospital Sultanah Nur Zahirah. Program ini diadakan di Bilik Seminar Politeknik Hulu Terengganu pada 5 Februari 2020. Program ini diadakan kerana terdapat permintaan yang tinggi terhadap bekalan darah di HSNZ serta bertujuan untuk PHT sama-sama menyumbang dalam membekalkan darah yang selamat dan mencukupi untuk kegunaan pesakit di HSNZ.Kempen ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada warga PHT yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan PHT.









PHT HEBAT BULETIN
PHT Leads your future
Home | Hospitaliti | Perdagangan | Kerohanian | Pengurusan | Pelajar | Kajian | Pencapaian | Kreatif

## KOLUM PENGURUSAN



Sunday, 2 February 2020

### KEMBARA MINANGKABAU

*Dilaporkan oleh: Nurul Ilyani Binti Abdullah*

PHT Travel dan PUSPANITA PHT menganjurkan program Kembara Minangkabau pada 30 Januari 2020 - 2 Februari 2020. Program Kembara Minangkabau ini diadakan bagi menggerakkan pelancongan sebagai niche area Politeknik Hulu Terengganu. Percutian 4 hari 3 malam di Padang-Bukit Tinggi Indonesia merupakan percutian berinformasi mengenali adat dan budaya Negara Indonesia seterusnya mengangkat pelancongan sebagai niche area PHT.














Tuesday, 11 February 2020

### LAWATAN KERJA PENGURUSAN ASET

*Dilaporkan oleh: Norli Yanawati Binti Zakaria*

Satu lawatan kerja telah dijalankan oleh Unit Pengurusan Aset di kampus baharu PHT. Ia bagi memastikan gerak kerja aset di kampus baharu berjalan dengan lancar.





**PHT HEBAT BULETIN**






## KOLUM PENGURUSAN



Tuesday, 4 February 2020

### TAKLIMAT KESELAMATAN LALULINTAS

*Dilaporkan oleh: Norli Yanawati Binti Zakaria*

Taklimat Keselamatan Lalulintas dari IPD Trafik Hulu Terengganu dan Pendaftaran Stiker Kenderaan Politeknik Hulu Terengganu telah dijalankan di bilik seminar PHT hari ini. Penglibatan program ini terdiri daripada pelajar yang belajar di PHT. Objektif program ini adalah supaya pelajar dapat bekerjasama dalam usaha mengekang jenayah dan menjaga keselamatan serta dapat mewujudkan hubungan yang baik dengan pihak PDRM.










Tuesday, 28 January 2020

### PROJEK OBOR PHT

*Dilaporkan oleh: Nurul Ilyani Binti Abdullah*

Satu program anjuran Unit Latihan Pendidikan Lanjutan dengan kerjasama Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti juga Jabatan Perdagangan PHT diberi nama Projek Obor telah dijalankan di SMK Seri Berang, Hulu Terengganu. Projek Obor "Program Jelajah Skuad Travel Sekolah" ini akan memberi inspirasi kepada sekolah yang terlibat untuk melaksanakan pendidikan pelancongan. Program Jelajah Skuad Travel Sekolah yang dilaksanakan ini bagi memberi peningkatan dalam dari aspek pelaksanaan berdasarkan niche area Pelancongan dalam kalangan warga JPH PHT juga pendedahan dalam bidang Akauntansi











# KOLUM PELAJAR

## KOLUM PELAJAR



Sunday, 8 November 2020

### MPP PHT

*Dilaporkan oleh: Herdayanty Binti Abdul Vziz*

Bertempat di Damai Beach Resort, Bukit Keluang, Besut, satu Kem Kepimpinan & Pemerkasaan Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik telah diadakan dan melibatkan MPP dari PSAS, PBT dan PHT.Ia diadakan selama 3 hari dari 5 - 8 November 2020.





Friday, 14 August 2020

### ALUMNI PHT

*Dilaporkan oleh: Damaliza Binti Damain*

Alumni Welcoming Meet - Santai Mesra Pelajar Baharu Sesi Jun2020 di PB Bowl bersama pimpinan Alumni PHT kelolaan En. Firdaus Mohamad Sharif.




PHT HEBAT BULETIN
PHT Leads your future
Home | Hospitaliti | Perdagangan | Kerohanian | Pengurusan | Pelajar | Kajian | Pencapaian | Kreatif

## KOLUM PELAJAR



Thursday, 6 August 2020

### MAJLIS PENUTUP MINGGU TRANSFORMASI SISWA PHT

*Dilaporkan oleh: Nurul Ilyani Binti Abdullah*

Minggu Transformasi Siswa telah berakhir dengan jayanya semalam dan telah dirasmikan oleh Pengarah, PHT, Tn. Hj Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali, A.N.S di Mini Auditorium PHT.Seramai 45 orang pelajar telah mendaftar pengajian untuk Sesi Jun 2020 dari dua program iaitu Diploma Pengurusan Pelancongan dan Diploma Akauntansi.





Monday, 3 August 2020

### PENDAFTARAN MASUK KAMSIS PHT

*Dilaporkan oleh: Che Ku Norzuraida Binti Che Ku Long*

Sejarah telah terlakar apabila pelajar baharu Sesi Jun 2020 mendaftar masuk kamsis yang mana boleh memuatkan pelajar sekitar 800 orang pelajar.Sebelum ini kemudahan asrama untuk pelajar PHT tiada kerana PHT hanya menyewa di kampus sementara di Bandar Kuala Berang.



## KOLUM PELAJAR



Monday, 3 August 2020

### PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PHT

*Dilaporkan oleh: Nurul Ilyani Binti Abdullah*

Pendaftaran pelajar baharu sesi Jun 2020 sedang berlangsung di Politeknik Hulu Terengganu hari ini. Proses pendaftaran pelajar baharu kali ini bertempat di kampus baharu PHT iaitu di Dewan Batu Bersurat yang mana melibatkan pelajar bagi Jabatan Perdagangan dan juga Jabatan Pelancongan & Hospitaliti. SOP KKM telah diikuti bagi melancarkan proses pendaftaran dan mengelakkan pandemik Covid-19 menular.





Thursday, 30 April 2020

### OPS HANTAR PELAJAR PULANG

*Dilaporkan oleh: Dameliza Binti Damain*

Pergerakan pulang kumpulan pelajar PHT Zon Timur dari kampus Politeknik Hulu Terengganu ke Kelantan,Pahang dan Kemaman, Terengganu telah dilepaskan oleh pihak polis jam 9.00 malam tadi.Seramai 7 orang pelajar terlibat beserta pegawai pengiring En.Fahimdin bin Mohd Yusof @ Kamal dan En.Azmi Ismail serta pemandu PHT. Semoga selamat sampai dan dimudahkan segala urusan.



PHT HEBAT BULETIN
PHT Leads your future
Home | Hospitaliti | Perdagangan | Kerohanian | Pengurusan | Pelajar | Kajian | Pencapaian | Kreatif

## KOLUM PELAJAR



Tuesday, 28 April 2020

### PELAJAR DISARING SEBELUM PULANG KE KAMPUNG HALAMAN

*Dilaporkan oleh: Nurul Ilyani Binti Abdullah*

18 orang pelajar PHT yang terkandas dalam tempoh PKP di Kuala Berang hari ini telah ke kaunter saringan COVID19 di Klinik Kesihatan Kuala Berang sebelum dihantar pulang ke kampung halaman masing-masing pada 30.4.2020.





Thursday, 19 March 2020

### DAPUR PHT

*Dilaporkan oleh: Afifatun Nadhirah Bt Awang*

MPP PHT telah turun padang melancarkan Program Dapur PHT dengan memberikan bantuan berupa barang dapur seperti beras, sardin, tepung, kicap, minyak masak, biskut, gula, teh, mee segera dan juga telur ayam kepada pelajar yang mengikuti arahan Restrict Movemonet Order di sekitar Kuala Berang.
Bantuan telah disampaikan oleh Penasihat MPP, Puan Herdayanty dan wakil Unit Hal Ehwal Pelajar, Cik Affifatun Nadhirah.
Tujuan program ini diadakan supaya pelajar tidak perlu keluar beramai-ramai ke pasaraya bagi mendapatkan bekalan makanan. Dengan usaha murni ini, Dapur PHT by MPPPHT yang telah dimulakan sejak tiga tahun lepas kini telah berjaya membantu ramai pelajar Politeknik Hulu Terengganu dalam usaha memberikan stok bekalan makanan dan juga sarapan pagi kepada pelajar PHT mengikut keperluan semasa.








## KOLUM PELAJAR



Thursday, 5 March 2020

### KEBAJIKAN PELAJAR OLEH HEP

*Dilaporkan oleh: Nurul Ilyani Binti Abdullah*

Pihak HEP PHT diwakili oleh Pegawai HEP, En. Yusof telah memziarahi dan menyampaikan sumbangan PHT kepada pelajar C.W.ahmad Muaz (DUP1A) yang telah mengalami musibah, kemalangan jalan raya petang semalam.Kami seluruh warga PHT mendoakan pelajar ini kembali sihat.





Sunday, 23 February 2020

### KURSUS ASAS CRISIS MANAGEMENT TEAM (CMT) & ILMU MEDAN PERANG (IMP)

*Dilaporkan oleh: Nurul Ilyani Binti Abdullah*

Kursus Asas CRISIS MANAGEMENT TEAM (CMT) & ILMU MEDAN PERANG (IMP), Briged Relasis Politeknik Zon Timur Tahun 2020 telah diadakan pada 20-22/Feb/2020 bertempat di Peladang Setiu Agro Resort , Setiu Terengganu. Menurut Ajutan RELASIS PHT, PgR Bersekutu Abdullah @ Mat Yusof Bin Yacob, seramai 181 pelajar terdiri daripada 6 buah politeknik (PKB, PHT, PKT, PJK, PSMZA & PMS) telah berhimpun selama 3 hari 2 malam. Pengarah PHT, Tn. Hj Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali, A.N.S turut hadir bagi memberi semangat kepada para RELASIS.









PHT HEBAT BULETIN




Home | Hospitaliti | Perdagangan | Kerohanian | Pengurusan | Pelajar | Kajian | Pencapaian | Kreatif

## KOLUM PELAJAR



Wednesday, 19 February 2020

### KEJOHANAN LIGA FUTSAL & OLAHRAGA POLITEKNIK MALAYSIA 2020

*Dilaporkan oleh: Herdayanty Binti Abdul Vziz*

Dua atlet PHT, Mohamad Halif Bin Rahim dan Muhammad Aqil Syamim Bin Zulkifli telah menyertai Kejohanan Futsal dan Olahraga Politeknik Malaysia 2020 yang berlangsung di Universiti Pendidikan Sultan Idris dari 12 hingga 19 Febuari 2020. Pasukan mereka iaitu Team Politeknik Terengganu (PSMZA, PKT, PHT & PBT) merangkul Naib Johan Futsal, keseluruhan Pasukan Politeknik Terengganu memungut 2 perak dan 2 gangsa bagi sukan olahraga di Kejohanan Liga Futsal & Olahraga Politeknik Malaysia 2020 bertempat di Institut Pendidikan Sultan Idris.











Thursday, 13 February 2020

### PERSIAPAN KEM RELASIS

*Dilaporkan oleh: Herdayanty Binti Abdul Vziz*

Persiapan peralatan untuk ke Kem IMP dan CMT Zon Timur 2020 oleh pegawai dan anggota RELASIS PHT bertempat di Perkarangan belakang Politeknik Hulu Terengganu



PHT HEBAT BULETIN

PHT Leads your future

Home | Hospitaliti | Perdagangan | Kerohanian | Pengurusan | Pelajar | Kajian | Pencapaian | Kreatif

## KOLUM PELAJAR



Wednesday, 12 February 2020

### RELASIS

*Dilaporkan oleh: Herdayanty Binti Abdul Vziz*

Sesi taklimat yang dismpaikan oleh Ajutan RELASIS PHT, PgR Bersekutu Abdullah @ Mat Yusof Bin Yacob untuk anggota RELASIS PHT yang akan mengikuti Kem IMP dan CMT RELASIS Zon Timur di Agro Resort Setiu pada 20 - 21 Febuari 2020









Monday, 20 January 2020

### PEMILIHAN PEMAIN UNTUK PASUKAN FUTSAL

*Dilaporkan oleh: Herdayanty Binti Abdul Vziz*

Sembilan orang pelajar PHT menghadiri pemilihan pemain untuk Pasukan Futsal 2 Politeknik Terengganu bertempat di Gelanggang Futsal MBKT









PHT HEBAT BULETIN

PHT Leads your future

Home | Hospitaliti | Perdagangan | Kerohanian | Pengurusan | Pelajar | Kajian | Pencapaian | Kreatif

## KOLUM PELAJAR



Monday, 10 February 2020

### DISCOVERED THAILAND

*Dilaporkan oleh: Herdayanty Binti Abdul Vziz*

Discovered Thailand adalah satu program anjuran Unit Keusahawanan PHT yang telah diadakan pada 5-8 Februari 2020. Program CSR(Corporate Social Responsibility) di Tahfiz Pattani juga merupakan salah satu pengisian dalam program ini.









Tuesday, 4 February 2020

### PEMERIKSAAN KENDERAAN PELAJAR

*Dilaporkan oleh: Herdayanty Binti Abdul Vziz*

Sesi pemeriksaan kenderaan pelajar PHT oleh pihak polis trafik cawangan Hulu Terengganu di perkarangan belakang PHT. Sesi pemeriksaan kenderaan adalah syarat penting untuk memandu di persekitaran PHT bagi menjamin keselamatan. Kaedah bagi mendapatkan pelekat kenderaan juga sudah diperketatkan dengan permohonan yang ditapis oleh pihak HEP PHT.









# PHT HEBAT BULETIN

PHT Leads your future



## KOLUM PELAJAR



Thursday, 6 February 2020

### SERAHAN QURAN INFAQ TAJAAN

Dilaporkan oleh: Norli Yanawati Binti Zakaria

Serahan quran infaq tajaan oleh wakil Annur MK Trading, En Zamri kepada Puan Herdayanty mewakili Penyelaras Program DTM 3053 Travel with Passion and Compassion (Tourism Expedition)











Thursday, 16 January 2020

### KEM KEPIMPINAN MPP

Dilaporkan oleh: Herdayanty Binti Abdul Vziz

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Politeknik Hulu Terengganu (PHT) yang baharu telah dipilih pada 8 Januari 2020. Bertepatan dengan itu, satu kem kepimpinan telah dijalankan oleh HEP PHT bagi menyemai semangat kerja berpasukan dalam kalangan pelajar yang terpilih sebagai wakil pelajar untuk tahun 2020 ini. Kem ini bertempat di Scout INN Teluk Ketapang



# PHT HEBAT BULETIN

PHT Leads your future

Home | Hospitaliti | Perdagangan | Kerohanian | Pengurusan | Pelajar | Kajian | Pencapaian | Kreatif

## KOLUM PELAJAR



Wednesday, 8 January 2020

### PILIHANRAYA KAMPUS PHT SESI 2020

Dilaporkan oleh: Herdayanty Binti Abdul Vziz

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Politeknik Hulu Terengganu (PHT) yang baharu telah dipilih pada 8 Januari 2020. Pilihanraya ini dijalankan bagi melantik wakil pelajar PHT bagi sesi 2020. Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Politeknik Hulu Terengganu (PHT) yang berlangsung pada 8 Jan 2020 telah berjalan dengan lancar. Penasihat Majlis Perwakilan Pelajar, Pn. Herdayanty Abdul Vziz berkata sesi pengumuman keputusan Majlis Perwakilan Pelajar PHT 2020 diadakan pada sebelah petang yang mana seramai 7 calon berjaya memegang jawatan Majlis Tertinggi dan seramai 15 orang menyandang jawatan exco. Watikah Pelantikan MPP ini diadakan pada 4 Februari 2020.












# TAHNIAH WARGA KERJA PHT YANG CEMERLANG PADA TAHUN 2020

*Tahniah*

## Pencapaian Terbaik Warga Kerja di PHT Tahun 2020

Anugerah PHT Hebat

Anugerah ini diberikan kepada individu yang telah menunjukkan pencapaian tertinggi dalam melonjakkan imej dan reputasi kearah institusi hebat dan tersohor sehingga memperolehi pengiktirafan tertentu daripada badan professional atau pihak luar. Tahniah En Noor Fiteri Abdullah




Anugerah Khas Pengarah

Anugerah ini diberikan kepada individu yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam pelbagai bidang termasuk mempromosi institusi di peringkat global. Tahniah Pn Norimah Annuar.



# Congratulations!

Anugerah Kesukarelawanan

Anugerah ini merupakan pengiktirafan kepada indvidu yang telah menyumbangkan jasa dalam dunia kesukarelawanan dan kemanusiaan untuk seluruh warga PHT.

Tahniah En. Abdullah @ Mat Yusof bin Yaacob



Tahniah juga En. Abdullah @ Mat Yusof bin Yaacob atas penerbitan Buku Panduan Pendaftaran dan Peraturan Am Pelajar Politeknik Hulu Terengganu.






# Tahniah

**Anugerah Staf Sokongan Terbaik Lelaki**

En. Mohd AlHafizh Ismail

**Anugerah Staf Sokongan Terbaik Perempuan**

Pn. Azlida Azmi

**Anugerah Pensyarah Terbaik Jabatan Pelancongan**

En. Mohd Azamrul Harun

**Anugerah Pensyarah Terbaik Jabatan Perdagangan**

En. Azmi Ismail

**Anugerah Pensyarah Terbaik Jabatan Pengajian Am**

Pn. Wan Norlaili Wan Abdul Manan











# Tahniah

## Pencapaian Terbaik Warga Kerja di luar institusi

Tahniah Puan Nazli Hulwany Abdullah, Pensyarah JPH, PHT di atas pencapaian yang membanggakan dalam SPSH 2020 Peringkat Kebangsaan. Beliau telah mendapat Best Paper Award menerusi kajiannya yang bertajuk Keseimbangan Antara Kerja dan Kehidupan dalam kalangan pensyarah wanita Politeknik Hulu Terengganu.


Sijil Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada

NAZLI HULWANY ABDULLAH

atas sumbangan dan kerjasama sebagai

BEST PAPER
Keseimbangan Antara Kerja Dan Kehidupan Dalam Kalangan Pensyarah Wanita Di Politeknik Hulu Terengganu

sempena

SPSH 2020
PERINGKAT KEBANGSAAN
KOLEJ KOMUNITI MASJID TANAH

Ts. ZAINAB BINTI AHMAD
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PERANCANGAN)
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



# Congratulations

Tahniah Puan Ayuni Madarina Abdul Rahman yang telah berjaya menerbitkan jurnal di Language Literacy: Journal of Linguistics, Literature and Language Teaching dan Universal Journal of Educational Research.




Horizon Research Publishing Corporation

Universal Journal of Educational Research

Universal Journal of Educational Research
Vol. 8(12A), pp. 7694 - 7701
DOI: 10.13189/ujer.2020.082556
Reprint (PDF) (517Kb)

Improvement of English Writing Skills through Blended Learning among University Students in Malaysia

Ayuni Madarina Abdul Rahman , Mohd Nazri Latiff Azmi , Isyaku Hassan *
Faculty of Languages and Communication, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Terengganu, Malaysia

Journals Information
- Aims & Scope
- Editorial Board
- Guidelines
- Submit Manuscript
- Archive
- Article Processing Charges
- Call for Papers
- FAQ


LANGUAGE LITERACY: JOURNAL OF LINGUISTICS, LITERATURE, AND LANGUAGE TEACHING

STUDENTS' LEARNING OUTCOMES OF BLENDED LEARNING IMPLEMENTATION IN WRITING LESSON

*Ayuni Madarina Abdul Rahman, Mohd. Nazri Latiff Azmi*

Abstract

Writing requires specific skills in brainstorming, organizing, editing, and proofreading. There are varieties of research conducted in finding which approach is the most impactful to teach writing and one of the approaches emphasized is blended learning, widely acceptable in education field. Nevertheless, its effectiveness on writing is still questionable and the effort to integrate blended learning in teaching writing needs a thorough consideration. Therefore, the purpose of the study is to researcrh the adequacy of blended learning approach on students' writing performance. Employing an explanatory research type, an experimental research design was applied. A mixed-method method was executed to collect, analyse and interpret data. For quantitative, a quasi-experimental design was carried out to 60 respondents who were selected through purposive samplings and distributed to control and experimental groups. The study used pretest and posttest for both groups. The result shows that there is no significant difference of blended learning and students' writing performance between the experimental group and control group in the pretest and posttest. Overall, the study shows that both instructions have place in writing. Hence, educators have to become eclectic practitioners who are able to apply suitable approach that can contribute to the growth of teaching and learning writing.

# Congratulations

Tahniah Cik Nur Hidayah Hassan atas penglibatan di Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti sebagai Penggubal Dokumen Standard Kemahiran Politeknik Malaysia bagi bidang Restaurant Service dan Penulis Penerbitan Hala Tuju, Polisi dan Prosedur Operasi Standard Pengkomersialan Politeknik dan Kolej Komuniti.





SIJIL PENGHARGAAN

Dengan sukacitanya
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih
kepada

CIK NUR HIDAYAH BT HASSAN
POLITEKNIK HULU TERENGGANU

diatas sumbangan sebagai

PENGGUBAL
DOKUMEN STANDARD KEMAHIRAN POLITEKNIK MALAYSIA
BIDANG *RESTAURANT SERVICE*

YBHG. TS. DR. MUHAMMAD NAIM BIN YAAKUB
Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti



*Sijil Penghargaan*

PUSAT PENYELIDIKAN DAN INOVASI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN
KOLEJ KOMUNITI

merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada

NURHIDAYAH BINTI HASSAN

di atas sumbangan sebagai

PENULIS

bagi

PENERBITAN HALA TUJU, POLISI DAN PROSEDUR
OPERASI STANDARD PENGKOMERSIALAN
POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

*Dr. Ishak bin Mohamad*
*Pengarah*
*Pusat Penyelidikan dan Inovasi*
*Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti*

# Tahniah

Tahniah Pn. Wan Norliana Wan Sulong, Pn. Wan Nor Azida Wan Ali dan Pn. Nazli Hulwany Abdullah di atas pencapaian pingat Silver untuk Produk Ganu Smart Travel Kit di Borneo Innovation Festival.





POLITEKNIK MALAYSIA · KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI · KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA

Certificate of Appreciation

This Certificate of Award is to certify that

WAN NORLIANA BT WAN SULONG 780531115078
NAZLI HULWANY BT ABDULLAH 751103035466
WAN NOR AZIDA BT WAN ALI 760321115530

have been awarded with

SILVER

for the innovation/ invention project of

GANU SMART TRAVEL KIT

in

BORNEO INNOVATION FESTIVAL 2020
(Virtual Presentation)
POLITEKNIK KUCHING SARAWAK
20th - 21st OCTOBER 2020

DR. ISHAK BIN MOHAMAD
Director
Centre for Research and Innovation
Department of Polytechnic and Community College Education




Tahniah Pn. Wan Nor Azida Wan Ali dan Pn. Nazli Hulwany Abdullah telah LULUS Kursus National Competency Standard Z-050 Greenn Compliance dari International Green Training Centre.





International GREEN TRAINING Centre (Co. Reg. 1114419-K)

Ruj. kami: IGTC/Z-050/2020/12/44
Tarikh: 7 Disember 2020

**WAN NOR AZIDA BINTI WAN ALI**
**Politeknik Hulu Terengganu**
Kampung Buluh,
21700 Kuala Berang,
Terengganu

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

**Makluman Keputusan Kursus *NCS Z-050 Green Compliance***

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa **Wan Nor Azida Binti Wan Ali** dengan nombor kad pengenalan **780321-11-5530** telah mengikuti dan **LULUS** kursus *National Competency Standard Z-050 Green Compliance* yang telah dianjurkan pihak IGTC secara atas talian pada 12hb Oktober 2020 hingga 2hb November 2020 hingga 5hb November dan penilaian yang dilaksanakan pada 10hb November 2020.

3. Kursus Green Compliance ini memberi pengetahuan dan kemahiran asas mengenai kelestarian dan teknologi hijau kepada semua lapisan masyarakat di Malaysia. Sub-modul yang termasuk dalam kursus ini termasuk *green fundementals, green goals, green buildings, green energy, green transportation, green waste management, green water and sewage management, green economy* dan *green culture*.

4. Penyata Pencapaian (PP) akan dikeluarkan pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia Malaysia dalam tempoh tiga (3) hingga enam (6) bulan selepas penilaian dilaksanakan.

5. Pihak IGTC ingin mengucapkan tahniah dan syabas sekali lagi kerana telah berjaya dalam kursus ini.

Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan amanah mampan,

**ISMAIL BIN ABDULLAH**
Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif

**INTERNATIONAL GREEN TRAINING CENTRE** (Co. Reg. 1114419-K)
Unit A-02-10, Tamarind Square, Persiaran Multimedia,
63000 Cyberjaya, Selangor, MALAYSIA
Tel : 603-8800 5227 Fax : 603-8800 5229 Email: admin@greentrainings.org



GREEN TRAINING Centre (Co. Reg. 1114419-K)

Ruj. kami: IGTC/Z-050/2020/12/45
Tarikh: 7 Disember 2020

**NAZLI HULWANY BINTI ABDULLAH**
**Politeknik Hulu Terengganu**
Kampung Buluh,
21700 Kuala Berang,
Terengganu

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

**Makluman Keputusan Kursus *NCS Z-050 Green Compliance***

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa **Nazli Hulwany Binti Abdullah** dengan nombor kad pengenalan **751103-03-5466** telah mengikuti dan **LULUS** kursus *National Competency Standard Z-050 Green Compliance* yang telah dianjurkan pihak IGTC secara atas talian pada 2hb November 2020 hingga 5hb November dan penilaian yang dilaksanakan pada 10hb November 2020.

3. Kursus Green Compliance ini memberi pengetahuan dan kemahiran asas mengenai kelestarian dan teknologi hijau kepada semua lapisan masyarakat di Malaysia. Sub-modul yang termasuk dalam kursus ini termasuk *green fundamentals, green goals, green buildings, green energy, green transportation, green waste management, green water and sewage management, green economy* dan *green culture*.

4. Penyata Pencapaian (PP) akan dikeluarkan pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia Malaysia dalam tempoh tiga (3) hingga enam (6) bulan selepas penilaian dilaksanakan.

5. Pihak IGTC ingin mengucapkan tahniah dan syabas sekali lagi kerana telah berjaya dalam kursus ini.

Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan amanah mampan,

**ISMAIL BIN ABDULLAH**
Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif

**INTERNATIONAL GREEN TRAINING CENTRE** (Co. Reg. 1114419-K)
Unit A-02-10, Tamarind Square, Persiaran Multimedia,
63000 Cyberjaya, Selangor, MALAYSIA
Tel : 603-8800 5227 Fax : 603-8800 5229 Email: admin@greentrainings.org




Tahniah Pn. Zaidah Mamat kerana telah menyumbangkan tenaga sebagai Pengajar Katering dan Bakeri. Terima kasih di atas sumbangan pada komuniti setempat.





SIJIL PENGHARGAAN

Ini Dianugerahkan Kepada

ZAIDAH BINTI MAMAT
800708-11-5002

Kerana telah menyumbangkan tenaga sebagai Pengajar
Katering dan Bakeri

Pada : 2019 - 2020
Bertempat di : Pusat Latihan Empower ECER
Hulu Terengganu, Terengganu DI

empower ECER
Program Pembangunan Modal Insan

Umar Zakir Bin Mohamad Shamsudin
Pengurus
Zakir Haretas Solution

# Tahniah

Tahniah Puan Nurul Ilyani Abdullah di atas pencapaian dan penyertaan dalam Program Baca Puisi di peringkat antarabangsa antaranya Baca Puisi Hari Guru Asean, Baca Puisi Dunia: Suaramu ke Riba Alam, Program Apresiasi Puisi Kemanusiaan Sedunia 2020, Ramadan World Poetry Reading dan Semarak Puisi Pendidikan Peringkat Antarabangsa UPSI/PENYAIR.

Tahniah juga atas pencapaian di peringkat kebangsaan iaitu Pengucapan Puisi Lebaran 2020, Baca Puisi Santai Kemudi dan Peserta Semarak Puisi Merdeka Penyair Malaysia bersempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-63.

Tahniah juga di atas penerbitan buku antologi untuk tahun 2020 antaranya

- Apa lagi yang lebih membahagiakan
- Indahnya Desaku
- Apa Nak Jadi
- Aksara Inspirasi I
- Kalaulah Aku Termotivasi
- Antologi Puisi Magisnya 02022020
- Bukan









Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

PHT Hebat merupakan buletin PHT yang memuatkan kisah kecemerlangan warga kerja PHT. Warga kerja PHT sentiasa melakukan yang terbaik untuk tugas dan tanggungjwab yang diamanahkan.Tahun 2020 merupakan tahun yang sangat bermakna kepada warga kerja PHT kerana berjaya mencapai KPI walaupun pandemik Covid-19 melanda negara. Tahun 2021 diharapkan adalah tahun PHT mencipta nama dalam pelbagai bidang.

Syukur Alhamdulillah PHT HEBAT Bil 5/2020 telah dapat diterbitkan dengan jayanya hasil kerjasama sidang redaksi dan Warga kerja PHT yang turut sama berkongsi idea serta memberi inspirasi dan manfaat kepada semua yang membaca PHT Hebat edisi yang kelima ini.

Selamat Membaca.

*Nurul Ilyani Abdullah*

*Ketua Editor PHT HEBAT*

**Menarik Bil 6/2021**

Penubuhan Recreation Training Academy (RTA)

Dua program baharu Mac 2021




POLITEKNIK MALAYSIA
HULU TERENGGANU

POLITEKNIK HULU TERENGGANU

JALAN PENGKALAN GAWI TASIK
KENYIR, KUALA JENERIS
21700 KUALA BERANG , HULU TRG
Phone: 09-6825555
Fax: 09-6825556

Politeknik Hulu Terengganu
polihuluterengganu_official
polihulutrg

CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 03271

PHT PENERAJU MASA DEPAN ANDA

*PHT LEADS YOUR FUTURE*